

Reference No : MA(S)/OPS/LSM/LPT/EXT/2022 (09)

Date : 25 April 2022

Dear Sir/Madam,

REINSTATEMENT OF THE ORIGINAL PASSENGERS PICK-UP LOCATION FOR E-HAILING SERVICES AT KL INTERNATIONAL AIRPORT.

Referring to the recent announcement made by the Malaysian Prime Minister ("PM") dated March 8, 2022, Malaysia will reopen its international borders starting on April 1, 2022.

2. For your information, Malaysia Airports (Sepang) Sdn Bhd ("MA (S)") is looking forward to the reopening of the international borders. We are working closely with government agencies such as APAD, JPJ, PDRM, airport communities, and public transport communities to ensure that the airport is ready to receive our special guest. We would also like to take this opportunity to seek your cooperation to provide an adequate and uninterrupted supply of public transport services at KL International Airport.

3. With that in mind, we would like to inform all E-Hailing Operators ("EHO") that, beginning May 1st, 2022, the current pick-up arrangements at the outer-kerbside of Level 3, Main Terminal Building, are to be relocated back to the original location, which is at Door 4, Inner-kerbside of Level 1, Main Terminal Building. This arrangement is in lieu of the "Pekeliling bagi Operasi E-Hailing di KL International Airport" (refer attachment).


4. Overall, respective EHOs should ensure the readiness of their applications and to also inform their respective drivers on the requirements for picking-up passengers at KL International Airport and be aware of such things as the penalty imposed should the driver exceed the time limit for picking-up the passengers. All EHOs are also required to make the necessary updates within their mobile apps to inform the passengers that the pick-up location is only at Door 4, Inner-kerbside, Level 1, Main Terminal Building. Attached herewith are the written Terms and Conditions for e-hailing to operate at KL International Airport.

Your acknowledgement and cooperation with regards to the above matter is highly required.

Thank you.

Yours faithfully,

MALAYSIA AIRPORTS (SEPANG) SDN BHD



.....
Azuar Bin Abdul Khalid
Acting Senior Manager,
Landside Management



MALAYSIA AIRPORTS (SEPANG) SDN BHD

**PEKELILING BAGI OPERASI E-HAILING DI KL
INTERNATIONAL AIRPORT (KLIA)**

BIL 2. TAHUN 2022

**PENETAPAN PERATURAN-PERATURAN OPERASI
E-HAILING DI KLIA**

**UNIT LAND PUBLIC TRANSPORT
LANDSIDE MANAGEMENT
MALAYSIA AIRPORTS (SEPANG) SDN BHD**

1.0 Pengenalan

Pekeliling ini diwujudkan bagi menerangkan kepada pengendali , pemandu e-hailing mengenai peraturan operasi e-hailing di terminal KLIA.

Selaras dengan keputusan kerajaan bagi melesenkan secara rasmi perkhidmatan e-hailing di Malaysia, Malaysia Airport (Sepang) Sdn Bhd juga mengambil inisiatif untuk mengiktiraf e-hailing sebagai modal pengangkutan awam di KLIA.

Pengiktirafan ini membawa kepada penetapan syarat operasi bagi pengangkutan awam e-hailing termasuk penetapan lokasi mengambil penumpang dan penetapan kawasan menunggu. Penetapan ini dilaksanakan bagi tujuan mengasingkan kenderaan e-hailing dengan kenderaan persendirian selaras dengan modal pengangkutan awam yang lain di KLIA. Dengan ini, sedikit sebanyak dapat membantu pihak penguatkuasa untuk menjalankan penguatkuasaan terhadap kenderaan e-hailing yang beroperasi tanpa permit dan mencegah aktiviti ulat.

2.0 Perkara Yang Hendak Dimaklumkan

2.1 Penetapan Tempat Menunggu

Kawasan yang dibenarkan menunggu sebelum mengambil penumpang di KLIA adalah di kawasan *Public Waiting Area* di dalam kompaun pejabat Landside Operations yang terletak di PT87 KLIA. Rujuk Lampiran 1 bagi pelan kawasan dan coordinate bagi tujuan pelaksanaan *geofencing*. Kawasan menunggu ini dilengkapi dengan kemudahan seperti lot parkir, kedai makan, tandas, surau dan tempat cuci kereta.

Pihak pengendali e-hailing (EHO) hendaklah memastikan signal (*ping*) penerimaan bagi peruntukan giliran dibuat mengikut koordinat *geofencing* yang ditetapkan. Penetapan koordinat *geofencing* ini adalah bertujuan untuk memastikan kenderaan e-hailing tidak menunggu di kawasan-

kawasan yang tidak dibenarkan yang menghalang aliran trafik, membahayakan pengguna jalan dan orang awam atau mengganggu operasi lapangan terbang.

2.2 Penetapan Tempat Mengambil Penumpang

2.2.1 Lokasi Mengambil Penumpang di KLIA

Kenderaan e-hailing hanya dibenarkan mengambil penumpang di Lorong khas e-hailing yang terletak di Aras 1, Pintu 3 atau Pintu 4, Main Terminal Building (MTB), KLIA. Rujuk Lampiran 2 bagi carta alir pengambilan penumpang di KLIA.

Aras 1 menempatkan beberapa modal pengangkutan awam yang lain namun pembahagian lorong dibuat untuk memastikan tiada percampuran aliran kenderaan.

Diantara kemudahan yang disediakan adalah sistem kawalan masuk, tempat penumpang menunggu yang dilengkapi dengan tempat duduk dan papan tanda pandu arah yang memudahkan kepada pemandu dan penumpang.

Pemakluman awal melalui pemilihan lokasi seperti yang ditetapkan perlu dilakukan oleh pengendali e-hailing di dalam system aplikasi penumpang sebelum pengesahan tempahan dilakukan oleh penumpang apabila berada di KLIA.

2.2.2 Had Masa Pengambilan Penumpang di KLIA dan Penalti Yang Dikenakan

Bagi memastikan aliran yang lancar di lorong khas e-hailing, had masa yang ditetapkan bagi setiap kemasukan adalah selama lima (5) minit. Kawalan kemasukan dibuat dengan menggunakan

sistem palang auomatik yang boleh dibuka dengan mengimbas kad *Touch n' Go* sahaja.

Penalti sebanyak RM 10.00 bakal dikenakan terhadap pemandu sekiranya pemandu berada dilorong ini melebihi lima (5) minit pertama untuk mengambil penumpang. Penalti ini merupakan satu salah satu langkah supaya pemandu tidak menunggu terlalu lama untuk urusan mengambil penumpang. Penalti sebanyak RM 10.00 ini juga akan terus dikenakan bagi setiap 5 minit berikutnya. Kad *Touch n' Go* perlu mempunyai baki sekurang-kurangnya RM20 sebelum memasuki lorong ini.

2.3 Larangan Ketika Beroperasi

- a) Pemandu e-hailing dilarang sama sekali untuk mengambil penumpang di kawasan selain daripada kawasan yang dibenarkan di atas.
- b) Pemandu e-hailing dilarang menunggu atau memarkir kenderaan di kawasan yang tidak dibenarkan bagi menjamin keselamatan diri, kenderaan dan pengguna jalanraya yang lain.
- c) Pemandu dan kenderaan e-hailing perlu mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan seperti:
 - I. Menampal pelekat e-hailing pada cermin hadapan dan belakang kenderaan.
 - II. Pemandu mesti mempunyai Lesen Memandu dan Lesen Memandu Vokasional berdasarkan Akta Pengangkutan Jalan 1987 Seksyen 56.

- d) Pemandu adalah dilarang sama sekali menggunakan khidmat ulat atau orang tengah untuk mendapatkan penumpang.
- e) Kegiatan memujuk atau mendesak mana-mana penumpang bagi menawarkan perkhidmatan kenderaan boleh dikenakan tindakan lanjut sekiranya ditahan oleh pihak penguatkuasa.
- f) Aktiviti tidak bermoral seperti judi, minum arak, penyalahgunaan dadah dan maksiat di seluruh kawasan KLIA dan klia2 adalah dilarang sama-sekali.
- g) Membuang sampah di merata-rata tempat adalah perbuatan yang perlu dihindari. Sila gunakan tong sampah yang disediakan. Kesalahan tertakluk pada Akta Alam Sekitar 1974 Seksyen 24.
- h) Perbuatan khianat, menceroboh dan vandalisma terhadap segala kemudahan, prasarana, lanskap dan kenderaan adalah dilarang.
- i) Mana-mana individu atau kumpulan yang merancang untuk mengadakan sebarang bentuk perhimpunan atau mogok, perlu mendapatkan kebenaran bertulis dari pihak berkuasa.
- j) Sebarang aktiviti perniagaan yang tidak mendapatkan kebenaran dan permit yang sah juga tidak dibenarkan di Kawasan *Public Waiting Area* di Pejabat *Landside Operations*.
- k) Pemandu juga diingatkan supaya dilarang merosakkan harta benda awam di kawasan KLIA.
- l) Pemandu perlu sentiasa menjaga etika pemakaian ketika berkhidmat di Kawasan KLIA.


2.4 Tindakan Bagi Kesalahan

Sekiranya pemandu dan pengendali e-hailing melanggar syarat-syarat dan peraturan operasi yang telah ditetapkan, pihak Malaysia Airports (Sepang) Sdn Bhd. Pihak kami tidak akan teragak-agak untuk melaporkan kesalahan kepada pihak berkuasa bagi mengenakan tindakan susulan samada dibawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan mana-mana akta yang berkaitan.

3.0 Tarikh Kuatkuasa Pekeliling

Arahan pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 April 2022.

"HAPPY GUEST, CARING HOST"




1/4/22

Azuar Bin Abdul Khalid


Pemangku Pengurus Kanan,
Landside Management
Malaysia Airports (Sepang) Sdn Bhd

Lampiran 1

Pelan Kawasan Menunggu Sebelum Mengambil Penumpang bagi pemandu kenderaan *e-hailing* di Public Waiting Area (PT87 KLIA)



PETUNJUK	KOORDINAT
A	2.758538, 101.697752
B	2.757244, 101.698621
C	2.757057, 101.698365
D	2.757577, 101.697967
E	2.757199, 101.697497
F	2.756995, 101.697644
G	2.757229, 101.698014
H	2.756960, 101.698228
I	2.756367, 101.697312
J	2.757630, 101.696435



Keterangan Proses Mengambil Penumpang e-hailing

Langkah	Proses	Keterangan
1	Mula	Proses bermula.
2	Menunggu di tempat yang dibenarkan	Pemandu menunggu tempahan daripada penumpang di kawasan menunggu yang dibenarkan.
3	Menerima tempahan melalui aplikasi	Pemandu menerima tempahan bagi perkhidmatan melalui aplikasi.
4	Memasuki lorong khas e-hailing bagi mengambil penumpang	<p>Pemandu keluar dari kawasan menunggu dan memasuki lorong khas e-hailing dengan mengimbas kad <i>Touch n' Go</i> sahaja.</p> <p>Lorong khas e-hailing terletak di Aras 1, Pintu 3 atau Pintu 4, Main Terminal Building (MTB), KLIA.</p>
5	Penumpang berada di lokasi?	<p>Senario 1: Sekiranya penumpang berada di lokasi pengambilan pada masa/sejurus selepas pemandu tiba, langkah 10 akan menyusul.</p> <p>Senario 2: Sekiranya penumpang tidak berada di lokasi pengambilan pada masa pemandu tiba, langkah 6 akan menyusul.</p>
6	Menghubungi penumpang	Pemandu perlu menghubungi penumpang untuk bertanyakan lokasi semasa penumpang. Sekiranya penumpang menunggu di tempat lain, pemandu perlu memberi panduan kepada

Langkah	Proses	Keterangan
		penumpang untuk ke lokasi pengambilan yang ditetapkan.
7	Penumpang sempat ke lokasi?	<p>Pemandu perlu bertanya kepada penumpang atau mengaggarkan (berdasarkan maklumat yang diberi oleh penumpang) samada penumpang sempat sampai ke lokasi pengambilan sebelum tamat had limit masa.</p> <p>Senario 1: Sekiranya penumpang sempat tiba ke lokasi sebelum had masa lima (5) minit tamat, pemandu boleh menunggu penumpang dan langkah 10 akan meyusul.</p> <p>Senario 2: Sekiranya penumpang tidak sempat tiba ke lokasi sebelum had masa lima (5) minit tamat, langkah 8 akan meyusul.</p>
8	Menetapkan masa pengambilan & keluar dari lorong khas e-hailing	<p>Pemandu perlu menetapkan masa bagi penumpang untuk berada di lokasi pengambilan.</p> <p>Pemandu perlu keluar dari lorong khas e-hailing sebelum tamat had masa lima (5) minit yang diberikan.</p>
9	Membuat pusingan semula	Pemandu perlu membuat pusingan semula ke lorong khas e-hailing bersesuaian dengan masa pengambilan

Langkah	Proses	Keterangan
		yang ditetapkan Bersama penumpang di dalam langkah 8.
10	Mengambil penumpang	Pemandu pengambil penumpang.
11	Keluar dari lorong khas e-hailing	Pemandu perlu keluar dari lorong khas e-hailing sebelum tamat had masa lima (5) minit yang diberikan.
12	Tamat	Proses tamat.